

ANALISIS PENDEKATAN QURAN DAN SUNNAH TERHADAP KONSEP RAWATAN HISTERIA DAN CABARAN YANG DIHADAPI DALAM KONTEKS PERUBATAN ISLAM

Nur Amira Liyana Ishak¹
Nurul Syafiqah Jamaludin²
Rabiatul Adawiyah Ahmad Syukri³
Mohd Zahir Abdul Rahman⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia
(E-mail: nramryna@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: nurulsyafiqah_@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email:rabiah01@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email:zahir@usim.edu.my)

ABSTRAK

Manusia didedahkan dengan pengalaman baru dalam banyak bidang kehidupan tanpa mengira kesan positif atau negatif. Antaranya adalah dalam bidang Perubatan Islam. Perkembangan pusat-pusat rawatan Islam kini menyaksikan wujudnya pelbagai pendekatan dan kaedah yang dikenali sebagai “Rawatan Islam”. Realitinya, hanya sebahagian daripada pusat-pusat rawatan Islam tersebut yang benar-benar mengikut petunjuk al-Quran dan Sunnah. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah tinjauan iaitu dengan kaedah kualitatif yang melibatkan temubual secara bersemuka bersama pengamal perubatan Islam di USIM. Hal ini bertujuan untuk mengkaji kaedah rawatan yang digunakan berdasarkan pendekatan al-Quran dan Sunnah dan cabarannya kepada pengamal perubatan Islam dalam menangani penyakit histeria. Hasil kajian mendapati, aspek spiritual sangat mempengaruhi punca berlakunya histeria dan membuktikan juga rawatan Islam yang dilaksanakan oleh pengamal perubatan Islam adalah berlandaskan hukum syariat Islam. Kajian ini membantu masyarakat mengetahui dengan lebih terperinci tentang histeria dan ilmu perubatan Islam.

Kata Kunci: Histeria, al-Quran, Sunnah, Rawatan Islam, Pengamal Perubatan

Pengenalan

Gejala histeria di Malaysia merupakan manifestasi psikologi yang telah lama ada dalam masyarakat tempatan. Pengertian histeria dalam budaya Melayu diterjemahkan dengan berbagai istilah dan interpretasi, sesuai dengan kepercayaan mereka. Konsep histeria dalam konteks masyarakat Melayu berbeza dengan pandangan dalam paradigma medis modern. Dalam kerangka kedokteran, histeria termasuk dalam kategori gangguan mental dan psikiatri. Gejala histeria atau yang dikenal sebagai 'dirasuk' dalam konteks kepercayaan orang Melayu didefinisikan sebagai bentuk gangguan yang berasal dari makhluk halus, yang telah lama wujud

dalam Masyarakat. Fenomena ini difahami melalui sudut pandang kepercayaan Melayu yang telah berpegang kuat dalam konsep semangat, roh, dan nyawa di masa lalu.

Kepercayaan sebegini timbul kerana masyarakat Melayu percaya bahawa histeria yang berlaku pada golongan gadis dan perempuan merupakan gejala gangguan hantu, jin dan syaitan atau apa sahaja berkaitan gangguan makhluk halus dan alam ghaib (Amran & Zulkarnain 1994; Roslina 1992). Persepsi ini secara asasnya muncul kerana masyarakat Melayu dahulu sebelum kedatangan Islam mempercayai konsep animisme iaitu konsep semangat dan alam. Apabila histeria dikaitkan dengan makhluk halus, maka kaedah merawat juga, masyarakat Melayu cenderung kepada perubatan tradisional iaitu melalui bomoh serta kaedah perawatan Islam yang menggunakan ayat-ayat al-Quran (Haliza, 2000). Perkembangan akhir ini, memperlihatkan kecenderungan masyarakat Melayu beralih daripada merawat dengan pengamal rawatan tradisional kepada pengamal rawatan Islam iaitu dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran dan doa. Mereka sangat berpegang kuat dengan kepercayaan dan adat, dan perubatan tradisional memainkan peranan yang penting dalam merawat penyakit yang dihadapi oleh mereka (Noor Eisah Md Tahir, 1994).

Abu Humayd (2018) telah mengemukakan praktik perubatan Melayu pada masa kini, terdapat pengamal perubatan yang mengdiagnosis penyakit pesakit mereka dengan hanya mengetahui nama atau melalui metode imbasan dengan memandang ke arah pesakit. Di samping itu, terdapat juga kaedah diagnosis yang menggunakan pergerakan tangan di atas udara dengan tujuan memberikan penilaian segera terhadap masalah atau penyakit yang dihadapi oleh pesakit. Menurut pandangan Izzat Ismael (2014) dalam bidang perubatan tradisional Melayu, proses diagnosis yang telah melibatkan elemen-elemen seperti ritual, ramalan, tahun kelahiran, dan aspek lainnya bersama dengan pengamatan ciri-ciri fizikal dan tanda-tanda kesihatan pesakit tersebut. Keadaan ini terlihat agak aneh, tetapi ini juga termasuk dalam kepercayaan masyarakat melayu dalam perubatan tradisional yang telah diamalkan sejak dahulu lagi.

Kaedah yang disebutkan ini yang sering mendapat perhatian dan kritikan terhadap teknik rawatan yang telah dijalankan di pusat-pusat rawatan Islam. Antaranya kaedah scanning, kaedah rawatan jarak jauh, kaedah jampi, kaedah pukulan, kaedah minum dan mandi air jampi dan sebagainya lagi. Kaedah-kaedah rawatan ini dijalankan bagi mengubati pesakit yang mendakwa dirinya disihir ataupun terkena rasukan makhluk halus. Persoalan di sini adalah berhubung dengan ketepatan kaedah dan teknik tersebut menurut amalan Nabi (SAW) ataupun tidak. Ini kerana kemungkinan kaedah dan teknik tersebut menyerupakan amalan perdukunan (perbomohan) atau kaedah yang menyalahi tuntutan syariat itu sendiri. Terdapat banyak hadis Nabi (SAW) yang telah menyebutkan tentang kaedah jampi dan kebenaran baginda bagi melakukan rawatan menggunakan kaedah jampi ke atas orang yang ditimpa kesakitan atau penyakit. Antara hadith yang menyebutkan bahawa tidak menjadi kesalahan menjampi selagi jampi tersebut tidak mengandungi unsur syirik kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW menggalakkan seseorang yang berkemahiran khususnya dalam menjampi untuk membantu saudara seagama dengannya.

Diriwayatkan Awf bin Malik al-Ashja'I katanya: Maksudnya: *Ketika zaman Jahiliyyah, kami melakukan jampi. Maka kami bertanyakan Rasulullah (tentang perkara itu): "Wahai*

Rasulullah, bagaimanakah hukum, terhadap yang demikian?” Maka sabda Nabi SAW: “Kemukakan kepada ku jampi kamu itu; tidak mengapa menjampi selagi ia tidak mengandungi syirik (kepada Allah).

(Muslim:5862)

Permasalahan Kajian

Terdapat kajian sebelumnya yang membahaskan tentang kes kes histeria, termasuk insiden yang terjadi di sekolah, contohnya 122 pelajar dari 10 sekolah di Selangor terlibat dalam peristiwa ini. Selain itu, menurut penelitian oleh Khadher Ahmad & Mohd Azim Hakim (2015), pada tahun tersebut, kejadian histeria juga tercatat di sebuah sekolah di Raub, melibatkan lebih dari 10 pelajar perempuan. Tidak hanya itu, perhatian juga tertuju pada kejadian histeria di Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa 2 (SMKPC2), di mana lebih dari 50 pelajar dan guru mengalami histeria. Sepekan setelahnya, tiga sekolah lain di daerah tersebut, yaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa 1 (SMKPC 1), Sekolah Menengah Kebangsaan Kemumin, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian 3, turut terlibat sehingga melibatkan 30 pelajar dan guru. Lokasi ketiga sekolah ini berdekatan satu sama lain, dengan jarak antara 2 hingga 5 kilometer. Dalam kajian ini, pengkaji tidak menolak pandangan yang menyatakan bahwa histeria berkaitan dengan masalah psikologi yang dapat menyebabkan individu merasa tertekan dan kehilangan kendali atas perasaan dan emosinya, sebagaimana diungkapkan oleh Ketua Jabatan Perubatan Psikologi Pusat Pakar Universiti Malaya, Profesor Mohamad Hussain Habil, (2017).

Kajian Lepas

Mengikut perspektif para ulama' Islam, histeria ditakrifkan sebagai al-sar'u (rasukan) (Wahid Abdussalam Bali 1997). Simptom histeria menyerupai ciri-ciri orang yang dirasuk, bahkan dalam sesetengah keadaan, punca histeria merujuk gangguan atau rasukan jin dan syaitan (Amran, 1994). Terdapat beberapa perkara lain yang akan dibincangkan dalam Kajian Literatur iaitu :-

Apa itu Histeria

Dalam analisis beberapa kajian terdahulu, terungkap bahawa masyarakat Melayu menggunakan istilah seperti 'kena gangguan', 'kemasukan', 'keteguran', dan 'kena sampuk' untuk merujuk kepada histeria (Amran & Zulkarnain, 1994; Noor Eisah, 1994; Roslina, 1992). Definisi ini tercermin dari pandangan masyarakat Melayu yang meyakini bahawa histeria berasal dari gangguan hantu atau syaitan. Dalam penjagaan pesakit yang mengalami histeria, masyarakat Melayu lebih cenderung mencari bantuan dari bomoh atau perawat tempatan untuk menyembuhkan pesakit (Aziz Deraman, 2001). Menurut tinjauan literatur yang dilakukan oleh Intan Farhana Saparudin, Fariza Md Sham, dan lain-lain (2014), masyarakat Melayu menganggap histeria sebagai gejala dirasuk oleh hantu atau diganggu oleh makhluk halus, dan kepercayaan ini masih berlaku hingga kini. Perspektif lain dari American Psychology (APA)

Concise Dictionary of Psychology (2009:236) menyebutkan bahwa histeria adalah suatu keadaan yang diklasifikasikan sebagai gangguan somatik. Escobar (1987, 1996) menyatakan Gangguan somatik merujuk pada masalah kesehatan fisik atau gejala yang terkait dengan fungsi tubuh tanpa adanya penyebab medis yang jelas. Ini berarti bahwa meskipun seseorang mengalami gejala fisik, tidak dapat ditemukan penyebab organik atau fisiologis yang dapat menjelaskan gejala tersebut. Gangguan somatik dapat terpengaruh oleh faktor-faktor psikologis, seperti stres atau kecemasan, dan biasanya memerlukan pendekatan holistik yang memperhatikan aspek-aspek fisik dan psikologis dalam proses menanganinya. (Kaplan & Sadock (1991)

Masalah Dan Punca Histeria

Menurut kajian Najib 'Afif bin Arip dan Mohd Zohdi bin Mohd Amin, terdapat beberapa faktor utama yang dapat menyebabkan gangguan terhadap aspek rohani, yang telah diidentifikasi sebagai tekanan emosi, gangguan oleh makhluk halus atau histeria, dan kelemahan iman. Dalam konteks ini, makhluk halus merujuk kepada jin dan syaitan. Sudah menjadi pengetahuan umum bahwa makhluk halus dapat menjadi penyebab penyakit rohani. Serangan mereka terhadap manusia, atau dengan kata lain, histeria, dapat merosakkan fungsi akal. Oleh karena itu, individu yang terkena gangguan oleh makhluk halus dapat menunjukkan perilaku yang mirip dengan orang yang mengalami gangguan mental. Selain itu, gangguan tersebut juga dapat mengganggu fungsi jiwa, menyebabkan sebagian orang yang terpengaruh menjadi mudah marah atau dilanda kecemasan tanpa sebab yang jelas. (Intan Farhana Saparudin, Fariza Md. Sham & Salasiah Hanin Hamjah, 2014). Pesakit juga mungkin mengalami kerasukan, di mana roh mereka terganggu oleh masuknya makhluk halus ke dalam jasad mereka (Arip, N. 'Afif., & Mohd Amin, M. Z., 2022)

Kaedah Teras Dan Faktor Keberkesanan Perubatan Islam

Dari hasil kajian ini, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi histeria dalam kalangan remaja Muslim, antaranya melibatkan faktor psikologi, tekanan keluarga dan persekitaran, kepercayaan, kebudayaan, dan amalan keagamaan (Intan Farhana Saparudin, 2015). Untuk mencapai kesembuhan, pusat rawatan Islam menjadi fokus utama bagi masyarakat yang menghadapi gangguan makhluk halus. Namun, bagi menghindari keraguan dan tipu daya jin, seorang praktisi perubatan Islam seharusnya memahami dengan baik prosedur atau kaedah rawatan, selagi mana tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip syariat Islam. Menurut kajian Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md Ariffin, dan Ishak Suliaman (2014), perawat yang mendalami ilmu perubatan dari guru mereka cenderung menggunakan kaedah yang thābit, seperti merawat secara ruqyah, bekam, dan doa zikir. Beberapa zikir yang umum digunakan termasuk mengucap kalimah tayyibah seperti Astaghfirullah, Allah Akbar, La Ilaha Illa Allah, serta berselawat kepada Nabi SAW, baik dengan lidah atau di dalam hati secara berulang-ulang. Selain itu, ayat-ayat yang menekankan keagungan dan kebesaran Allah SWT, seperti surah al-Baqarah ayat 255 dan 257, surah al-Fatihah, dan surah al-Ikhlās, turut diamalkan dalam proses penyembuhan.

Namun, kajian tersebut lebih terfokus pada latar belakang pengasas dan isu penggunaan jin dalam rawatan Islam di Malaysia, dan tidak secara khusus menitikberatkan pada konsep

rawatan Islam menurut perspektif Quran dan Sunnah serta mengidentifikasi cabaran-cabaran yang dihadapi oleh individu yang menjadi pengamal perubatan Islam. Dalam kajian yang berbeza, peneliti telah mengidentifikasi kaedah pokok dan faktor keberkesanan perubatan Islam melalui ruqyah, yang dilakukan oleh tokoh pengasas dan perawat perubatan Islam terkemuka di Malaysia, iaitu Dato' Ismail Kamus. Hal ini disebabkan oleh fakta bahwa kaedah ruqyah merupakan satu tindakan untuk merawat histeria yang secara jelas diamalkan dalam sejarah kehidupan Rasulullah saw bersama para sahabat beliau. Oleh karena itu, ruqyah diakui hingga kini sebagai kaedah utama dalam rawatan perubatan Islam. Walau bagaimanapun, keberkesanan kaedah ini juga bergantung pada kesungguhan dan komitmen perawat dalam meningkatkan amalan soleh. Dengan kata lain, peningkatan amalan soleh di kalangan perawat dianggap penting karena dapat membawa kepada kesan yang diinginkan dalam doa-doa ruqyah. Pengkaji juga menegaskan bahwa faktor keberkesanan ruqyah terhadap histeria dapat dilihat dari berbagai aspek seperti aqidah, fiqh, tasawuf, akhlak, dan sebagainya (Zaidar, F., Ramli, M., Yama, P., & Zaidi, I., 2018).

Justeru itu dapat kita lihat, amalan perubatan Islam merupakan satu ikhtiar yang dibuat oleh seorang Islam yang mahir dalam kaedah rawatan Islam dengan menggunakan ayat ayat suci Al- Quran atau hadis, zikir dan ruqyah yang berlandaskan kepada syariat Islam. (Taha, 1992) Dapatlah kita fahami bahawa perubatan Islam itu tiada salahnya apabila konsep yang dipegang dan kaedah yang digunakan tidak mengundang syirik kepada Allah SWT dan mempunyai matlamat yang jelas serta berteraskan wahyu dan tauhid kepada Allah SWT (Ismail bin Saad & Abdul Kader Hussain, 1985). Penyembuhan penyakit adalah daripada Allah Swt dan kita perlu meyakini setiap penyakit ada ubatnya. Sabda Rasulullah SAW: Maksudnya: *'Allah tidak menurunkan penyakit melainkan menurunkan ubatnya juga.'*

Definisi Dan Konsep Perubatan Dalam Islam

Manusia secara zahirnya tidak lari daripada sebarang penyakit. Kaedah berubat adalah suatu ikhtiar yang digalakkan di dalam Islam sama ada penyakit yang melibatkan anggota fizikal mahupun spiritual. Terdapat beberapa pandangan ulamak berkaitan berubat dan mengambil rawatan. Diantara mereka ada yang berpendapat hukum sunat dan ada yang berpendapat mewajibkannya untuk mendapatkan rawatan. Sesetengah ulama pula menyatakan hukum harus dalam berubat (Masruri 2013). Berikutan kitab Al-Tibb dalam bab “seorang lelaki harus mencari ubat” bahawa Rasulullah SAW bersabda :

تداووا فإن الله لم يضع داء إلا وضع له دواء غير الهيرم

Maksudnya: Berubatlah kalian wahai hamba-hamba Allah, kerana Allah SWT tidak meletakkan suatu penyakit kecuali diletakkan juga bersama ubatnya melainkan satu penyakit sahaja iaitu penyakit tua. (Abi Dawud:3855)

Setiap orang Islam digalakkan mencari kesembuhan dengan pelbagai cara sekalipun sehingga menjumpai penawar yang bersesuaian terhadap penyakit yang dihadapi oleh pesakit tersebut. Seperti sedia maklum Allah SWT adalah yang maha menyembuhkan setiap penyakit dimuka bumi ini dan tidak menjadikan suatu penyakit itu melainkan disertakan dengan penawarnya. Maka Rasulullah SAW bersabda:

لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Maksud: Setiap penyakit itu ada ubatnya. Maka apabila dijumpai ubat kepada suatu penyakit itu, nescaya disembuhkan dengan izinNya. (Muslim:2205)

Oleh itu, berubat merupakan suatu bentuk ikhtiar kita sebagai manusia dalam mencari kesembuhan terhadap penyakit yang dihadapinya. Setiap kesungguhan dan ikhtiar selagi tidak bercanggah dari syariat Islam ia amat disukai oleh agama (Abdul Aziz, 2012). Justeru itu, para ulama juga telah bersepakat bahawa menuntut ilmu perubatan ini amat dituntut dan ia merupakan fardhu kifayah manakala mengamalkan amalan perubatan Islam yang berpandukan kepada al Quran dan Sunnah merupakan suatu kewajipan bagi yang telah menguasainya kerana ia amat membantu orang sekeliling sekiranya terkena gangguan daripada makhluk halus iaitu jin dan syaitan. Ia amat memerlukan kekuatan daripada aspek fizikal dan rohani (Usamah Muhammad, 2004)

Konsep Perawatan Islam Dalam Perspektif Quran & Sunnah

Rawatan Islam merujuk kepada penggunaan prinsip-prinsip Islam dalam menjaga kesihatan fizikal, mental, dan spiritual. Ia merangkumi aspek kesihatan yang holistik, termasuk rawatan tubuh, jiwa, dan hati, serta mengamalkan sunnah dan ajaran agama dalam kehidupan harian. Justeru itu, rawatan Islam juga salah satu jalan ikhtiar untuk pesakit mencari penawar untuk penyakit yang dihadapi dengan menggunakan kaedah yang bertepatan dengan agama (Harun Din 2011). Terdapat beberapa konsep dan aspek yang penting dalam rawatan Islam. Antaranya ialah doa dan zikir bertepatan dengan al Quran dan Sunnah, menggunakan bahan yang halal disisi syarak, berikhtiar dan bertawakal, menjaga lima perkara asas dalam Syariat Islam dan menjadikan perubatan Islam sebagai saluran dakwah sesama Islam (Faisal Husen Ismail 2021).

I) Doa dan Zikir

Setiap doa dan zikir asalnya daripada al Quran dan Sunnah. Ia merupakan aspek penting dalam rawatan Islam yang membawa keberkatan dan ketenangan serta kesembuhan kepada manusia. Pengamalan doa ini menunjukkan keyakinan yang mendalam bahawa Allah SWT yang Maha Penyembuh keatas segala penyakit. Selain daripada doa, zikir juga salah satu terapi yang boleh diamalkan bagi ketenangan jiwa dan memperbaiki keadaan mental seseorang. Zikir ini boleh berbentuk tasbih, tahmid, takbir atau membaca al Quran. Firman Allah SWT:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ۗ

Maksudnya: Iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingati Allah. Ingatlah, dengan mengingati Allah lah hati menjadi tenteram.

(Surah Ar Ra'd 13:28)

Tuti Maesaroh (2017) membuktikan Ibn Qayyim al-Jauziyyah menyatakan beberapa manfaat zikir, antaranya ialah menguatkan dan memberi ketenangan kepada hati serta zikir sebagai rohnya hati seseorang. Tambahan pula, Nabi SAW turut memberi tunjuk ajar kepada umatNya mengenai penggunaan ayat al Quran sebagai panduan dalam merawat gangguan penyakit fizikal dan spiritual berasaskan doa-doa yang diambil daripada setiap ayat di dalam al Quran. Sabda Nabi SAW:

مَنْ قَالَ بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ ، وَلَا فِي السَّمَاءِ ، وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ، ثَلَاثَ
مَرَّاتٍ ، لَمْ تُصِبْهُ فَجَاءَةٌ بَلَاءٍ ، حَتَّى يُصْبِحَ ، وَمَنْ قَالَهَا حِينَ يَصْبِحُ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ ، لَمْ تُصِبْهُ فَجَاءَةٌ بَلَاءٍ حَتَّى
يُمْسِيَ

Maksudnya : Barangsiapa yang berkata dengan nama Allah, yang dengan nama-Nya tidak ada sesuatu pun yang dapat mendatangkan mudarat, baik di bumi maupun di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui, sebanyak tiga kali, maka tidak ada musibah yang menimpanya secara tiba-tiba, hingga pagi hari, dan barangsiapa mengucapkannya tiga kali pada waktu pagi, maka tidak akan ditimpa musibah yang menimpanya sampai kepetang.

(Sunan Tirmidzi:3388)

ii) Sumber Perubatan

Agama Islam mewajibkan setiap individu mendapatkan rezeki dari sumber yang halal lagi baik, suci dan bersih. Jadi, dalam aspek perubatan Islam setiap individu mestilah mendapatkan ubat dan penawar yang sumbernya halal disisi syarak. Hal ini kerana setiap sumber haram itu akan memberi kesan kepada jiwa dan mental seseorang tanpa disedari (Ibn Qayyim 2005).

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَلًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Maksudnya: Wahai sekalian manusia ! Makanlah dari apa yang ada dibumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang terang nyata bagi kamu. (al-Baqarah 2;168)

iii) Ikhtiar dan Tawakal

Ikhtiar dan tawakkal yang tinggi kepada yang Maha Esa merupakan kunci utama ketika mana berusaha mendapatkan rawatan dan penawarnya. Pergantungan kepada Allah SWT memainkan peranan utama ketika mengharap pertolongan Nya dalam memberi syifa' keatas segala penyakit yang dihadapi. Namun begitu, dalam usaha mencari jalan penawar setiap individu itu mestilah yakin dan redha atas setiap yang menimpa dirinya. Abdul Basir (1999) menyatakan setiap terjadinya sesuatu itu berasal daripada Allah sebagai ujian kepada

umat manusia, malah ia juga akan mendidik diri untuk bersabar sehinggalah mendapat pertolongan dariNya.

Iv) Menjaga Maqasid Syariah

Izzudin bin Abd Al-Salam (1996) menerangkan secara terminologi maqasid syariah bertujuan dalam memelihara aturan hukum-hukum yang ada dengan mewujudkan kemaslahatan dan menolak hal-hal yang merosakkan. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam al-Syatibi pula, doktrin maqasid syariah ialah tujuan akhir hukum adalah satu iaitu untuk kebaikan atau kesejahteraan manusia. Terdapat lima kemaslahatan yang menjadi tujuan utama iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Jadi setiap hal dalam memelihara perkara tersebut dikenali masalah manakala setiap hal yang membuatkan hilangnya perkara ini disebut mafsadah. (Imam al-Syatibi, 1997) Ilmu perubatan mempunyai tujuan yang seiring dengan maqasid syariah iaitu bagi memperolehi keselamatan dan kesihatan yang baik serta menjauhi daripada penyakit yang memudharatkan pesakit (Arif Salleh, 2019). Sepertimana yang dibawa oleh al-Ghazali (1997) tujuan utama ketika menjalani rawatan dan perubatan ialah untuk menjaga nyawa. Begitu juga dalam aspek penjagaan agama, akal, keturunan dan harta masing-masing mempunyai kemaslahatan tertentu bagi seluruh umat manusia. Oleh itu, pengamalan ajaran agama yang baik akan mendorong kepada pemeliharaan agama Islam. Amalan perubatan Islam ini juga dapat menyumbang kepada penjagaan amal ibadah yang sempurna dengan baiknya penjagaan fizikal dan akal individu tersebut (Omar Hasan 2004).

v) Medium Dakwah Islam

Berdasarkan Kamus Dewan dan Pustaka (2002) dakwah membawa maksud menyeru dan meyakinkan orang lain dalam menerima suatu kepercayaan. Pengertian dakwah dalam istilah syarak pula menurut Ibn Taimiyyah ialah seruan supaya beriman kepada Allah SWT dengan menyakini dan mentaati perintahNya (Roslizawati, Sapora dan Suhailiza, 2008). Pusat rawatan Islam amat sesuai dijadikan tempat dan medium menyebarkan dakwah Islam sama ada kepada pesakit, waris dan masyarakat. Keberkesanan dakwah ini dapat dilihat ekoran daripada penghayatan dan pendengaran yang baik akan nasihat yang diberikan oleh perawat Islam sama ada kepada pesakit mahupun keluarga pesakit. Oleh itu, pemantapan akidah dan pengamalan agama yang baik akan membantu pesakit agar sentiasa bertawakal dan bertaqwa kepada Allah SWT serta mengikut Sunnah baginda SAW (Usamah al-Awdi 2004).

Amalan Perubatan Yang Bertentangan dengan Syarak

Islam adalah agama yang mengambil berat persoalan akidah dan perkara yang membatakannya. Amalan perubatan yang digunakan dalam merawat penyakit tidak boleh lari daripada aspek akidah, syariah, akhlak dan sebagainya. Said Hawa dalam *Ufuk Risalah Taklim*, “Ulama fiqh berpendapat, mengimani Islam secara keseluruhannya adalah syarat sahnya Islam seseorang. Ia juga adalah syarat sahnya ucapan dua kalimah syahadah.” Menurut Dr. Danial Zainal Abidin, berdasarkan pernyataan di atas “sesiapa yang tidak mengimani Islam secara keseluruhan, dengan maksud tidak mengimani Islam sebagai akidah, ibadah, dan sistem hidup yang merangkumi seluruh permasalahan mukalaf sama ada yang berkaitan dengan urusan dunia ataupun akhirat maka hukumnya adalah kafir”. Amalan bercampur dengan unsur

khurafat adalah jelas bertentangan dengan Islam. Ia boleh menyebabkan amalan tertolak berdasarkan rujukan ayat al-Quran dan Hadith Nabi Muhammad SAW.

Dari dahulu lagi telah wujud perubat atau bomoh, yang mengamalkan perubatan mengikut kaedah nenek moyang mereka. Sudah tentu bukan semua proses penyembuhan, melakukan rawatan mengikut islam sepenuhnya, ada juga perubat yang mengamalkan jampi berunsur dinamisme, iaitu mencampur adukkan dengan amalan khurafat. (Mohd Nawi Abdullah, 1996: 11-13). Sebagai contoh, sesetengah perubat yang meminta pesakit santau menyediakan peralatan seperti dua helai sejadah, tujuh botol air diambil dari kolam masjid, dua puluh lapan bijil imau purut, dua puluh satu biji limau nipis, pisau, pen dan kertas (Syarhan Shafie & Fakhru Ridha Abd Rahman, 2004: 66). Oleh itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyediakan satu garis panduan atau kod etika yang perlu dipatuhi oleh pengamal perubatan untuk mencegah perkara yang menyalahi syarak.

Berikut adalah beberapa perkara yang dilarang sebagai perawat terutama dalam perubatan histeria seperti

- Sumber ambilan dan bacaan ayat quran. Iaitu tidak menyalahguna, mengurangkan, menambah, terbalikkan susunan ayat quran, atau bacaan tertentu menggunakan unsur meminta izin serta bantuan daripada makhluk halus sebagai khadam.
- Menggunakan kitab Al-Quran dengan cara yang tidak wajar, seperti menggantung AlQuran dan menunggunya berpusing atau tidak untuk dijadikan alasan tertentu.
- Istihza : Menggunakan lafaz-lafaz, perkataan atau tulisan yang kurang jelas ertinya, lucu atau tidak sah disebutannya.
- Menggunakan azimat, tangkal atau susuk, samada daripada ayat Al-Quran atau menggunakan perantara seperti asap kemenyan, tembakau, colok dan sebagainya, serta mengamalkan perbuatan ‘menurun’ atau menyemah.
- Mendakwa mendapat ilmu daripada mimpi, ilham, bisikan –bisikan dan kitab-kitab yang tidak sah sumbernya.
- Pengijazahan hanya melalui cakera padat, buku, internet, atau apa sahaja cara tanpa berguru.
- Perbuatan atau kaedah yang mendatangkan keraguan atau bersifat menghina agama Islam.
- Menggunakan ilmu hitam atau sihir sebagai media perawatan.
- Tidak mengaitkan pengeras atau bayaran dengan sesuatu dan meminta- minta pengeras atau perkhidmatan yang tinggi dan melampau.
- Tidak menyajikan makanan untuk menjamu penunggu atau jin yang tinggal di sesuatu tempat.

Oleh itu, segala sesuatu urusan atau perbuatan, harus bersandarkan ketakwaan seseorang insan kepada Allah. Syariat telah menggariskan hukum-hukum yang jelas dan tegas bagi perkara-perkara sensitif dalam pelbagai urusan termasuk urusan rawatan syifa, yang telah dibincangkan. Ini kerana setiap perbuatan akan kembali kepada asas, iaitu berdasarkan aluran dan sunnah matlamat tidak menghalalkan cara, perkara haram tetaplah haram (Abdulla. S, 2009).

Cabaran Yang Dihadapi Oleh Pengamal Perubatan Islam

Perbincangan mengenai rawatan menggunakan al-Quran telah banyak dibincangkan oleh para sarjana Islam, sama ada melalui lisan atau penulisan. Seiring dengan itu, didapati kemunculan pusat-pusat perubatan menggunakan ayat-ayat al-Quran juga amat pesat. Cabaran utama yang dihadapi oleh ahli pengamal perubatan Islam ialah :-

1. Tingkat kepercayaan dan keimanan masyarakat terhadap keberkesanan ayat al-Quran sebagai media penyembuhan

Masyarakat di daerah ini membesar dengan bermacam tradisi dan khurafat terutamanya dalam soal perbomohan. Sebelum munculnya golongan agamawan yang memperkenalkan perubatan secara Islam, masyarakat terlebih dahulu terjebak dengan perubatan bomoh yang menyimpang. Rawatan dengan ayat al-Quran menjadi asing di dalam pendengaran mereka sebaliknya bacaan-bacaan mantra kesyirikan menjadi sesuatu yang biasa dan boleh diterima (Haron Din, 2008). Akibatnya, masyarakat menjadi kurang yakin terhadap kaedah penyembuhan al-Quran. Walaupun ada dikalangan kumpulan menamakan kaedah perubatan mereka sebagai ruqyah tetapi kalau pendekatannya berbeza akan menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat. Akhirnya timbullah persepsi bahawa perubatan Islam dan perbomohan adalah sama.

2. Anggapan bahawa cara perubatan Islam ialah ajaran baru yang perlu diwaspadai

Golongan tua misalnya yang terlalu berpegang pada amalan khurafat tradisi nenek moyang. Oleh sebab itu, mereka takut kalau konsep perubatan Islam akan menghapuskan amalan tradisi yang mereka pegang. Secara umumnya, Islam tidak melarang sesuatu ilmu atau amalan sekiranya ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip ajaran Islam serta tidak melanggar batas-batas yang telah digariskannya. Namun, sekiranya sesuatu ilmu atau amalan itu bercanggah dengan apa yang telah digariskan oleh syariat Islam, maka kita ditegah daripada mengikuti dan mengamalkannya (Syekh Abdussalam, 2010). Begitu juga dengan adat dan kepercayaan yang diwarisi turun temurun dari nenek moyang, ianya boleh diamalkan jika amalan tersebut tidak bertentangan dengan aqidah dan syariat Allah.

3. Kaedah Dan Teknik Rawatan yang digunakan

Teknik dan kaedah rawatan amat penting dalam lapangan ilmu perubatan Islam. Kaedah dan teknik dalam rawatan yang digunakan adalah bertitik tolak daripada mana sumber ilmu perubatan itu diperolehi. Kaedah dan cara rawatan yang dilakukan perawat merupakan “praktikal” kepada ilmu yang diperolehi. Jika benar sumber ilmu yang didapati, maka jelaslah dan baiklah cara rawatan yang dipraktikkan. Ahli perawat yang mendapat ilmu perubatan dari guru atau merujuk kepada guru (secara belajar berguru) majoritinya menggunakan kaedah yang thabit dengan merawat secara amalan ruqyah, bekam dan doa zikir. (Mahmood Nazar Mohamed, 2018). Kaedah rawatan merupakan perkara yang penting dalam cara rawatan Islam. Tidak semua rawatan yang dipraktikkan tersebut menepati ciri-ciri rawatan Nabi SAW. Seseorang perawat Islam sepatutnya mengenal pasti cara dan kaedah rawatannya terlebih dahulu dengan merujuk kembali kepada al-Quran dan al-Hadith atau merujuk kepada ulama’

agar kaedahnya tidak meragukan dan tidak mengandungi tipu daya jin yang boleh membuatnya terbabas dari landasan syara' (Fariza Md. Sham, 2012).

4. Perpaduan Antara Pusat Rawatan Islam

Perpaduan dan kesatuan antara pusat rawatan Islam adalah suatu aspek yang amat kompleks dan banyak lagi penelitian yang perlu dilakukan pada masa kini. Menurut pemerhatian dan penyelidikan, isu persatuan memainkan peranan penting dalam suasana terkini pusat rawatan Islam. Persatuan yang cuba diwujudkan untuk mengumpulkan kesemua pengasas dan pengamal pusat perubatan Islam Malaysia, seperti contoh, Gabungan Pengamal-Pengamal Perubatan Islam Malaysia (GAPPIMA) juga amat baik dalam memastikan kesatuan semua pusat-pusat rawatan alternatif Islam di Malaysia. Gabungan Pengamal-Pengamal Perubatan Islam Malaysia (GAPPIMA) juga boleh menjadi tulang belakang dan wakil atau perantaraan yang bagus kepada semua pusat rawatan Islam dalam mengharungi apa-apa jua permasalahan yang mendatang (Islam, F., & Campbell, R. A. 2012).

5. Bayaran Perkhidmatan Rawatan

Menurut Mahmood Nazar Mohamed (1990), dalam bukunya membahaskan mengambil bayaran dan duit upah bagi rawatan adalah diharuskan di dalam Islam. Setiap perawat berhak menetapkan kadar bayaran bagi setiap rawatannya. Namun, bayaran yang dikenakan perlulah sepadan dengan rawatan yang diberikan. Namun jumlah yang dikenakan pada masa kini adalah sangat tinggi dan tidak sepadan dengan apa yang dilakukan. Para perawat perlulah bijak agar harga dan cas yang dikenakan sepadan dengan kadar rawatan yang diberikan. Bayaran yang terbaik bukanlah bayaran yang seikhlas hati dari pesakit, tetapi bayaran yang setimpal dengan kerja perawat dan tidak menekan para pesakit. Apabila disebutkan mengenai bayaran perkhidmatan rawatan, ia sebenarnya tertakluk kepada cara pengasasnya mengendalikan sesebuah pusat rawatan agar ia dapat terus beroperasi dan memberi khidmat terbaik kepada masyarakat.

Kesimpulan

Sejak kedatangan Islam, agama Islam telah memberikan sumbangan besar dalam bidang perubatan. Perubatan Islam merupakan pendekatan holistik yang melibatkan aspek fizikal dan spiritual. Peranan perubatan dalam kehidupan manusia tidak dapat dipisahkan. Agama Islam memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah, menekankan keutamaan kesihatan rohani dan jasmani. Jelaslah menunjukkan, perubatan Islam menekankan betapa pentingnya ketaatan kepada Allah SWT dan kepercayaan akidah yang kuat amat mempengaruhi proses penyembuhan pesakit. Dalam menghadapi cabaran ini, kerjasama dan kesepakatan dari seluruh masyarakat Islam menjadi sangat penting. Kepentingan penjagaan kesihatan mental perlu dijadikan fokus utama bagi meningkatkan pemahaman dan pendedahan terhadap gangguan mental. Sekaligus kewujudan pusat-pusat perubatan Islam menjadi tumpuan ramai masyarakat bagi mencari penyelesaian dan ikhtiar kepada penyakit. Ia mengambil kira prinsip keadilan dan kemasyarakatan, iaitu memberikan rawatan yang adil dan merangkumi semua lapisan masyarakat tanpa mengira status sosial atau ekonomi. Seterusnya, tidak dinafikan setiap kaedah

yang dipraktikkan di perubatan Islam bermanfaat dan bertepatan dengan syariat Islam. Namun begitu, sekiranya bercanggah dan mengabaikan ajaran agama maka pesakit akan berhadapan dengan risiko merbahaya terutamanya serangan histeria yang melibatkan makhluk halus.

Rujukan

- A. Aziz Deraman. (2001). Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdullah, S. (2009). Institusi bomoh dalam masyarakat melayu menurut perspektif Islam. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 12, 181-203.
- Abu Humayd, S. M. (2018). Pengubatan Islam; Antara Fakta & Auta. Putrajaya: DT Printing & Publishing.
- Ahmad, K., & Ibrahim, M. A. H. (2015). HISTERIA DARI PERSPEKTIF AL-QURAN DAN HADITH: SATU ANALISIS. *Journal of Al-Tamaddun*, 10(2).
- Amran Kasimin & Zulkarnain Zakaria. (1994). Histeria : Pencegahan dan rawatan. Kuala Lumpur: Dinie Publisher
- Arip, N. 'Afif & Mohd Amin, M. Z. (2022). Terapi Air Dingin Sebagai Ikhtiar Penyembuhan Masalah Kerohanian Menurut Perspektif Sunnah: Cold Water Therapy As An Attempt To Cure Spiritual Problems According To The Sunnah Perspective. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 18(2), 34-56. <https://doi.org/10.33102/Jmq.V18i2.359>
- Escobar, J. I. 1987. Cross Cultural Aspects of Somatization Trait. *Journal Hospital and Community*. February. 38. 2. 74- 180. Escobar, J. I. 1996. Pharmacological Treatment of Somatization. *Psychopharmacology Bulletin*. 32.4: 589-596.
- Fariza Md. Sham, Siti Norlina Mohamed, Intan Farhana Saparudin, Salasiah Hanin Hamjah, Rozmi Ismail & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. 2012. Faktor histeria dalam kalangan remaja sekolah. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)* 59: 21-27
- Hadith riwayat Muslim [Kitab al-Salam, (بِئْسَ لِلرَّيِّكِيِّ الرَّيِّىُّ), no.hadith 5732], Abu Dawud [Kitab al-Tibb, (بِئْسَ لِلرَّيِّىُّ الرَّيِّىُّ), no.hadith 3886] dan Ibn Hibban dalam sahihnya. Lihat Muslim (2000M), Sahih Muslim dalam Mawsu,,ah al-Hadith, ibid., h.1068 dan Abu Dawud (2000), Sunan Abi Dawud, dalam Mawsu,,ah al-Hadith al-Sharif, ibid., h.1508
- Haliza Mohd Riji. (2000). Prinsip dan Amalan dalam Perubatan Melayu. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

- Haron Din, TG Dato' Dr. Ikhtiar Penyembuhan Penyakit: Dengan Ayat-Ayat dan Doa-Doa Mustajab , (Bandar Baru Bangi, Selangor: Persatuan Kebajikan Pengubatan Islam Malaysia (Darussyifa'), 2008)
- Islam, F., & Campbell, R. A. (2012). "Satan Has Afflicted Me!" Jinn-Possession and Mental Illness in the Qur'an. *Journal of Religion and Health*, pp. 1-15. <http://doi.org/10.1007/s10943-012-9626-5>
- Ismail bin Saad; Abdul Kader Hussain; Mohammed Noor Marahakim; Mohd. Shahimi bin Mustapaha; Nik Abdul Aziz Sulaiman; Qauzi M. Iqbal. 1985. *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Ilmu Perubatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kaplan, H. I. & Sadock, B. J., 1991. *Synopsis of Psychiatry*. Maryland: William and Walkinds
- Kertas Kerja Seminar Perubatan Islam "Menangani Histeria dan Kerasukan Jin" Pusat Perubatan Islam Dar-alNuraniyyah, Perak, t.t.
- Lebih 50 pelajar, guru alami histeria di sekolah di Kelantan, Dlm. *Berita Harian.sg*. Berita 13 April 2016. Rujuk <http://www.beritaharian.sg/dunia/lebih-50-pelajar-guru-alami-histeria-di-sekolah-di-kelantan>.
- Mahmood Nazar Mohamed. 1990. *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mahmood Nazar Mohamed. 2018. *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Salleh, F., Saari, Z., Abdul Rahman, N. N. H., & Mustafa, N. (2020). Amalan Diagnosis Dalam Perubatan Melayu Berdasarkan Kitab Tib (Diagnosis Practice In Malay Medicine Based on The Kitab Tib). *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(3-2). <https://doi.org/10.11113/umran2020.6n3-2.417>
- Noor Eisah Md Tahir. (1994). *Kajian terhadap perihal kejadian histeria di kalangan gadis Melayu: Satu pendekatan kewartawanan*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Roslina Mat Riffin. (1992). *Histeria: Satu kajian kes mengenai pandangan orang Melayu di Bachok Kelantan*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Roslizawati Mohd. Ramly, Dr Sapora Sipon, Suhailiza Md. Hamdani. 2008. *Metodologi Dakwah Terhadap Remaja: Kajian Kes Jemaah Islam Di Malaysia (JIM)*. P (1) /A/2007: 6-7.
- Saparudin, I. F., Sham, F. M., & Hamjah, S. H. (2014). *Pemahaman Konsep Histeria dalam Masyarakat Melayu*. In *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik*.

Syeikh Abdussalam Bali. 2010. Merawat Kemasukan Jin dan Histeria. Terj. Mohd Sofwan Amrullah. Selangor: Pustaka Ilmi

Wahid Abdus Salam Bali (terjemahan Norsheilla Mohd. Yusof). 2012. Jin dan Syaitan dalam Kehidupan Manusia. Selangor: Al-Hidayah House of Publisher Sdn Bhd

Zaidar, F., Ramli, M., Yama, P., & Zaidi, I. (2018). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.